

PUCUNG JAWA
Javan Pond-heron

FAMILI: Ardeidae
NAMA SAINTIFIK: *Ardeola speciosa*

CIRI-CIRI

Semasa luar musim pembiakan, ianya hampir sama seperti spesies pucung yang lain. Ianya boleh dibezakan dengan Pucung Cina, *A. bacchus*, melalui warna gelap pada hujung atas sayap yang kurang jelas kelihatan. Semasa musim pembiakan, bahagian kepala dan leher berubah kepada warna kuning kecoklatan pudar hingga putih kekuningan. Bahagian dada menjadi merah cengkik manakala bahu menjadi kehitaman. Individu juvenil agak sukar untuk dibezakan dengan spesies pucung yang lain. Panjang keseluruhan bagi individu dewasa ialah 45 sm.

MAKANAN

Dietnya terdiri daripada pelbagai jenis haiwan akuatik termasuklah ikan, amfibia, krustasia, invertebrata, mamalia kecil dan anak burung.

HABITAT

Spesies ini menghuni pelbagai jenis habitat tanah lembap, terutamanya di persisiran pantai dan tanah pamah.

BUNYI

Seperti spesies pucung yang lain, spesies ini mengeluarkan bunyi *urrr urrr urrr* dan *okh* semasa terbang. Di kawasan pembiakan pula, ia mengeluarkan bunyi *wa-koo*.

PEMBIAKAN

Musim pembiakan bagi spesies ini adalah di antara bulan Jun hingga September. Individu betina boleh menghasilkan 3-5 biji telur berwarna biru kehijauan gelap. Sarangnya berbentuk seperti platform yang tidak kemas.